

## Kajian Naskhah Undang-Undang Adat Melayu di London

JELANI HARUN

### ABSTRAK

*Undang-undang adat Melayu telah wujud sejak zaman silam dan diwarisi secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Dalam perubahan berikutnya, undang-undang tersebut telah ditulis dan menjadi peraturan yang perlu dipatuhi. Pentingnya undang-undang adat tergambar melalui sejumlah besar manuskrip yang telah ditemui. Namun, kajian yang bersungguh-sungguh ke atas naskhah undang-undang adat Melayu (terutamanya berasaskan manuskrip Jawi di London) masih belum dilaksanakan sepenuhnya. Oleh itu, makalah ini ditulis dengan objektif untuk mengesani minat awal sarjana Inggeris terhadap penulisan undang-undang adat Melayu, selain untuk mengenal pasti ciri-ciri khusus undang-undang adat Melayu dan menilai bentuk hubungan tradisi Melayu dengan pemikiran Islam terhadap konsep keadilan undang-undang bagi masyarakat Melayu masa silam.*

*Kata kunci: Undang-undang adat, manuskrip Jawi, peraturan, tradisi Melayu, keadilan*

### ABSTRACT

*The Malay adat laws (Malay customary laws) have existed long ago in the Malay society and have been passed down from generation to generation orally. What follows is a written law that became a rule that society has to abide by. The importance of Malay adat laws is reflected in the large number of manuscripts that are available. In spite of its importance, a serious study (especially based on Jawi manuscripts kept in London) is still lacking and inadequate. Thus, this paper aims to discuss this problem with the following objectives: to trace the early British interest in the Malay adat law writings in addition to identify specific features of the concept of the Malay adat law and to evaluate the forms of interaction between the Malay tradition and Islamic thought concerning the concepts of justice.*

*Key words: Adat laws/customary laws, Jawi manuscripts, rules, Malay tradition, justice*

## PENGENALAN

Kajian terhadap undang-undang kesultanan Melayu sudah menarik minat ramai pegawai Inggeris sejak abad ke-18 lagi dalam usaha mereka mendekati dan seterusnya memerintah masyarakat Melayu.<sup>1</sup> Antara pegawai Inggeris yang dimaksudkan itu adalah W. Marsden, T.S. Raffles, J.R. Logan, J. Rigby, W.E. Maxwell dan R.J. Wilkinson. Sehubungan itu, banyak manuskrip undang-undang telah mereka kumpulkan dan banyak penulisan telah mereka terbitkan daripada koleksi manuskrip itu. Dalam konteks ini, penerbitan “On the Malayu Nation, with a Translation of its Maritime Institutions” dalam *Asiatick Researches* (1816) oleh Thomas Stamford Raffles (1781-1826) telah membawa erti yang besar dalam sejarah penelitian undang-undang kesultanan Melayu.<sup>2</sup> Melalui tulisan ini, buat pertama kalinya sebuah naskhah undang-undang Melayu telah mengisi ruangan dalam sebuah jurnal yang berpengaruh di kalangan pembaca Eropah ketika itu. Antara lain, Raffles (1816: 104) menyatakan:

Independent of the laws of the *Koran*, which are more or less observed in the various *Malay* states, according to the influence of their *Arabian* and *Muhammedan* teachers, but seldom, further than they affect matters of religion, marriage and inheritance; the *Malay* states possess several codes of laws denominated *Undang-Undang*, or Institutions, of different antiquity and authority, compiled by their respective sovereigns: and every state of any extent possesses its own *Undang-Undang*.

Raffles turut mencatatkan beberapa usaha yang telah dilakukannya bagi mengumpul manuskrip Melayu untuk dijadikan bahan kajian tentang kewujudan undang-undang kesultanan Melayu.<sup>3</sup> Antara manuskrip undang-undang yang telah diperolehinya adalah *Undang-Undang Kedah*, *Undang-Undang Melaka*, *Undang-Undang Johor* dan *Undang-Undang Laut Melaka*. Melalui pengumpulan ini, beliau berharap akan dapat membentuk sebuah *Digest of the Malay Laws*. Yang lebih menarik perhatian pada ketika itu ialah Raffles sudah memikirkan perlunya suatu kajian yang menyeluruh terhadap naskhah undang-undang Melayu dan hubungannya dengan teks serta budaya tradisi kehidupan yang lain bagi memerikan undang-undang adat Melayu secara keseluruhannya. Demikian Raffles menulis (1816: 105):

I have long been engaged, as far as the severe duties of my public situation would admit, in collecting *Malay* manuscripts of every description, and in particular, copies of the *Undang-Undang Malayu*, which, with the various collections of *Addat*, or immemorial customs, and what may be usefully extracted from the *Sejarah Malayu*, and *Akal Malayu*, or annals and traditions of the *Malays*, comprise what may be termed the whole body of the *Malay* laws, customs and usages, as far as they can be considered as original, under the heads of government, property, slavery, inheritance and commerce.

Pandangan Raffles itu sudah berusia hampir 190 tahun, sedangkan perkara yang diutarakannya masih belum berlaku dengan sempurna sehingga hari ini. Kajian terhadap undang-undang adat Melayu masih belum mencapai tahap yang



sepatutnya. Ini adalah cabaran yang harus disambut sarjana pengajian Melayu. Pada Julai 1879, Raffles menerbitkan “The Maritime Code of the Malays” dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, yang mempunyai pengaruh besar di kalangan pentadbir dan sarjana Inggeris di Tanah Melayu masa itu.

Sebelum tulisan Raffles, pengetahuan masyarakat Barat tentang undang-undang adat di Alam Melayu telah diterbitkan William Marsden (meninggal dunia 1836) pada tahun 1810 dalam bukunya *The History of Sumatra*. Dalam buku tersebut terdapat bab khusus tentang undang-undang masyarakat Rejang dan Pasumah di Bangkahulu dengan judul “Laws and Customs – Mode of deciding Causes – Code of Laws” yang ditulis pada tahun 1779 dan 1807.

Perhatian pegawai Inggeris tentang undang-undang Melayu diteruskan lagi melalui penerbitan “Translation of the Malayan Laws of the Principality of Johor” oleh James R. Logan (1819-1869) pada tahun 1855 dalam *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*.<sup>4</sup> Ringkasan sebahagian daripada terjemahan Logan telah diterbitkan semula oleh William Maxwell (1846-1897) dalam *JSBRAS* terbitan tahun 1890. Sementara itu, terjemahan Inggeris *Undang-Undang Melaka* turut ditemui dalam tulisan Newbold tentang *British Settlements in the Straits of Malacca* (1839).

Lebih awal daripada itu, Maxwell telah pun menerbitkan “The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land” dalam *JSBRAS* terbitan tahun 1884. Tulisan ini adalah antara yang terawal membicarakan undang-undang tanah Melayu secara khusus. Corak penulisan yang sama juga dikemukakan Maxwell dalam rencananya “The Law Relating to Slave among the Malays” di *JSBRAS* (1890).

Penerbitan makalah berkaitan undang-undang Melayu daripada pegawai dan sarjana Eropah berterusan pada awal abad ke-20. Antara manuskrip utama yang telah diterbitkan adalah *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* oleh Rigby (1908), *Undang-Undang Kedah* oleh Winstedt (1928), *Hukum Kanun Pahang* oleh Kempe dan Winstedt (1948), *Undang-Undang Minangkabau Dari Perak* oleh Winstedt (1953), *Undang-Undang Sungai Ujong* oleh Winstedt dan Josselin de Jong (1954), *Undang-Undang Laut Melaka* oleh Winstedt dan Josselin de Jong (1956). Pada tahun 1952, Kempe dan Winstedt juga menerbitkan sebuah manuskrip yang mengandungi sebahagian daripada *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Hamba Lari Negeri Selangor*.

Beberapa esei tentang undang-undang Melayu turut dihasilkan pegawai dan sarjana lain seperti “Malay Law in Negeri Sembilan” oleh Martin Lister (1890), “Notes on the Hukum Menyelam dan Hukum Bercelur” oleh Pepys (1916), “An Early Malay Inscription from Terengganu” oleh Paterson (1924) dan “The Pahang Kanun of Sultan Abdul Ghapur: Another Text” oleh Jakeman (1951).

Kesemua tulisan itu adalah bukti awal tentang kewujudan pelbagai bentuk undang-undang dalam masyarakat Melayu masa lalu yang telah diberi penilaian



oleh pegawai dan sarjana Inggeris. Selain memberi pandangan, mereka mengumpul manuskrip yang berkaitan dengan undang-undang, menyimpan sebagai koleksi peribadi atau menyerahkannya kepada beberapa buah perpustakaan di London.<sup>5</sup> Sebahagian manuskrip itu sudah diterbitkan dengan sebahagian lain masih kekal dalam bentuknya yang asal (lihat senarai manuskrip dalam Lampiran). Sehubungan itu, sarjana tempatan seperti Liaw Yock Fang (1976) dan Abu Hassan Sham dan Mariam Salim (1995) sudah memanfaatkan koleksi manuskrip yang ada melalui pelbagai kajian yang dilakukan, termasuk dalam mencirikan genre undang-undang adat kesultanan Melayu.

### MAKSUD UNDANG-UNDANG ADAT

Pelbagai pandangan sudah diberi sarjana Inggeris untuk memaknakan undang-undang adat Melayu. Sebahagiannya cuba menyamakan undang-undang adat Melayu dengan istilah *code* dalam undang-undang moden Inggeris. Raffles (1816 & 1879) dan Maxwell (1884) dalam tulisan mereka telah menamakan beberapa buah undang-undang Melayu seperti *The Maritime Code of the Malays*, *Malacca Code*, *Perak Code* dan *Malay Codes of Laws*.

Namun, Rigby, dalam tulisannya tentang *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* yang diterbitkan dalam *Paper on Malay Subjects* (1908: 11-18), telah menyanggah maksud *code* yang diberikan kepada undang-undang Melayu itu.<sup>6</sup> Baginya, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak* bukan bentuk undang-undang yang boleh disamakan maksudnya dengan konsep *code* dalam pengertian undang-undang Inggeris. Pandangan Rigby (1908: 11) adalah seperti yang berikut:

A Code being generally understood to be a complete and systematic body of law, or a complete and systematic statement of some portion of the law, it will be at once apparent that the "Ninety-nine Laws of Perak" cannot be called a code. They are very far from being systematic and complete.

Pandangan yang hampir sama dengan Rigby turut diberi Wilkinson (1908: 3). Baginya, pengertian undang-undang adat Melayu tidak seharusnya terpengaruh dengan maksud *code* dalam undang-undang moden Inggeris yang telah melalui proses *legislative authority*. Sebaliknya, undang-undang adat Melayu lebih bercorak *digest* (intisari) sahaja:

The first duty of the student is therefore to clearly understand the composite nature of Malay law. He must not look for uniformity where no uniformity can possibly exist. Above all, he must not allow himself to be blinded by any European preference for written or recorded laws. He should not take the so-called "codes" (undang-undang) too seriously. When he reads about the "Malacca Code" or the "Malay Maritime Code" or about the "Laws of Bencoolen and Palembang", he has to remember that these so-called "codes" were never actually enacted by any legislative authority, they are only digests of Malay law.



Tetapi, pandangan Rigby dan Wilkinson tidak pula disetujui Winstedt yang kekal memaknakan undang-undang adat Melayu sebagai *code*, *law* dan *legal digest*. R.O. Winstedt (1878-1966) adalah antara tokoh utama dalam kajian undang-undang adat Melayu sekitar tahun 1920-an sehingga tahun 1940-an. Sebahagian persepsi dan pandangannya terhadap undang-undang Melayu cukup ketara berasaskan konsep *Legal System* seperti yang terdapat dalam masyarakat moden Barat. Demikianlah yang tertera dalam tulisannya *A History of Classical Malay Literature* (1940: 118):

The Malacca digest exhibits no clear division between constitutional, criminal and civil law. It jumbles regulations for court etiquette, criminal law, the jurisdiction of the ruler and his ministers, the law for fugitive slaves, the law of libel, the law of contract affecting the hire of slaves and animals, the penalties for *lese majeste* and the breach of betrothal agreements, the usufruct of fruit-trees and rice-fields, trespasses and wounding by domestic animals, the offence of selling into slavery a person who has entered service to escape death from starvation or shipwreck, the fencing and dyking of fields, the law of debt, the penalties for stealing the slaves of owners of various ranks.

Undang-undang adat Melayu adalah senarai peraturan yang disusun berasaskan adat istiadat, nilai, norma, moral atau adab yang menjadi amalan hidup zaman kesultanan Melayu, khususnya sebagai panduan dan kawalan kepada raja dan pembesar dalam melaksanakan proses pemerintahan negara. Undang-undang adat ini meliputi undang-undang di daratan (seperti *Undang-Undang Melaka* dan *Undang-Undang Kedah*) dan undang-undang di lautan (seperti *Undang-Undang Laut Melaka* dan *Undang-Undang Pelabuhan Kedah*). Oleh sebab itu, istilah *code*, *law* atau *legal digest* yang digunakan sarjana Inggeris bagi menerangkan maksud undang-undang Melayu dirasakan kurang sesuai dengan ciri-ciri asas undang-undang adat. Sebaliknya, istilah *customary law* adalah lebih menepati sejarah dan maksud undang-undang adat kesultanan Melayu seperti terungkap dalam tulisan Zainur Zakaria (1995: 79):

*Adat*, as used in the region, can mean custom, courtesy, proper behaviour or customary law. Reference to *adat* in this section is taken to mean customary law or customs which have legal consequences.

Sebelum adanya penulisan undang-undang adat, masyarakat Melayu mungkin telah ada peraturan hidup secara lisan yang banyak dipengaruhi hukum alam, yakni orang yang kuat akan mengatasi orang yang lemah. Hukum yang bercorak “undang-undang rimba” ini mungkin telah menjadi amalan masyarakat Melayu yang menghuni rimba belantara atau persisiran sungai dan laut Alam Melayu sejak ribuan tahun dahulu. “Undang-undang rimba” mungkin sudah wujud dengan raja memerintah negeri berasaskan hukuman yang dibuatnya, dengan segala kuasa mengenakan paksaan terhadap rakyat, tanpa mengira sama ada mereka menerima atau menentang undang-undang tersebut. Justeru, “undang-undang rimba” sering kali diwarnai ciri kekejaman, kekerasan, kezaliman dan ketiadaan nilai kemanusiaan atau keadilan terhadap manusia.



Pada pandangan penulis, “undang-undang rimba” wujud dalam semua sejarah awal tamadun manusia di seluruh dunia. Beberapa unsur “undang-undang rimba” dapat dikesan dalam bahagian awal *Sejarah Melayu* seperti peristiwa pembunuhan Tun Jana Khatib, pembunuhan budak yang menyelamatkan Singapura daripada serangan todak dan penyulaan anak Sang Rajuna Tapa. Ketiga-tiga peristiwa pembunuhan itu bukan berasaskan undang-undang adat, tetapi lebih berpaksikan perasaan marah, dendam, dengki, khianat dan hukuman tanpa usul periksa raja yang memerintah.

“Undang-undang rimba” ternyata bukan daripada undang-undang adat Melayu yang berteraskan pemuafakatan antara raja dan pembesar yang bijaksana. Undang-undang berasaskan kekuatan dan kekuasaan tersebut telah tercipta di luar daripada lingkungan masyarakat Melayu yang telah mengenal adab dan tamadun hidup bermasyarakat. Oleh itu, pandangan yang mencampurkan maksud undang-undang adat dengan “undang-undang rimba” harus diberi penilaian semula dan diperbetulkan.

#### PENGARUH ISLAM

Sehingga kini, *Undang-Undang Melaka* dapat dikatakan sebagai manuskrip undang-undang yang tertua dan juga yang terpenting bagi masyarakat Melayu. *Undang-Undang Melaka* diasaskan di Melaka pada zaman Sultan Muhammad Syah (1422-1444), yakni sultan Melaka pertama yang memeluk Islam. Beberapa tambahan awal terhadap isi naskah telah dibuat semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (1445-1458). Kajian yang telah dilakukan Liaw Yock Fang itu memberi banyak maklumat dan kemudahan kepada pembaca dalam mengenali dan memahami sejarah perundangan awal masyarakat Melayu.

Namun, sehingga kini, *archetype Undang-Undang Melaka* masih sukar dikesan secara tepat. Besar kemungkinan penulisan undang-undang tersebut bersumberkan kitab Hindu berjudul *Manawa Dharma Sastra* (atau *Undang-Undang Manu*).<sup>7</sup> Beberapa asas hubungan pengaruh *Undang-Undang Melaka* dengan *Undang-Undang Manu* dapat dikesan melalui sejarah penyebaran pengaruh Majapahit di Tanah Melayu. Contoh kepada persoalan ini dapat diperhatikan dalam hukum “selam air” dalam *Undang-Undang Melaka* (Liaw Yock Fang 1976: 88) seperti berikut:

Fasal yang keempat belas pada menyatakan hukum orang bertuduh-tuduhan dan sangkal-menyangkal. Adapun seorang itu menuduh dan seorang itu bersangkal, maka ditanyai oleh hakim. Jikalau ia mau berlawan, diperlawankan; itu pun jikalau tiada saksi berdiri. Jikalau ada saksi dua orang atau seorang, dihukumkan oleh hakim atas barang adat kanun. Adapun pada hukum Allah, sekadar disuruh bersumpah menjabat mimbar juga pun padalah.

Adapun pada hukum kanun, disuruhkan ia berlawan berselam air atau bercelur minyak atau timah. Maka disurat ayat Quran pada tembikar kualiti itu. Inilah yang disurat: [Quran]



“Kau tunjukkan kiranya benar salah si anu dengan si anu itu.” Maka dibubuhkan pada kawah atau kual. Maka disuruhkan antara keduanya itu mengambil tembikar itu dengan sekali celup tangannya juga. Barangsiapa alah, maka dihukumkan atas hukum negeri atau dusun, jikalau besar salahnya patut dibunuh, maka dibunuh akan dia. Jikalau tiada besar salahnya, didenda akan dia mana patut dendanya; jikalau yang patut dimaafkan, dimaafkan oleh hakim.

Petikan di atas adalah contoh bagaimana peraturan hukuman “ordeal” dalam tradisi Hindu telah diubahsuai masyarakat Melayu silam dengan mencampurkannya dengan amalan Islam. Contoh klasik bagi amalan ini terdapat dalam *Ramayana* yang menceritakan peristiwa Sita melalui ujian “Ordeal by Fire” bagi membuktikan kesuciannya kepada Rama. Kewujudan amalan menyelam dalam air atau mencelup tangan ke dalam minyak panas atau timah panas dalam *Undang-Undang Melaka* menggambarkan peraturan tersebut telah menjadi amalan lumrah dalam masyarakat Melayu masa lalu. Hukum berasaskan api dan air begitu ketara disebut dalam bab kelapan *Undang-Undang Manu* (Doniger & Smith 1991: 164). Dikatakan api dan air tidak akan memberi mudarat kepada orang yang benar.

Secara beransur-ansur, Islam telah mengubah corak pemerintahan raja-raja Melayu daripada pautan kukuh terhadap Hindu kepada asas pemerintahan dalam Islam. Kewujudan unsur perundangan Islam dalam undang-undang adat Melayu adalah kesan langsung daripada pengenalan awal raja-raja terhadap pemerintahan Islam. Bauran antara adat dan Islam dalam penulisan undang-undang Melayu dapat dikesan dalam *Undang-Undang Melaka*, *Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak*, *Undang-Undang Pahang*, *Undang-Undang Kedah*, *Undang-Undang Minangkabau*, *Undang-Undang Aceh*, *Undang-Undang Raja Nati* dan *Undang-Undang Jambi*. Tetapi, unsur perundangan Islam dalam naskhah-naskhah itu hanya disisipkan pada bahagian tertentu, sedangkan undang-undang adat masih tetap mendapat keutamaan.

Asas perundangan Islam akhirnya menjadi semakin mantap dalam pegangan dan amalan hidup orang Melayu sehingga memerlukan undang-undang Islam yang lebih khusus dan menyeluruh. Ini dapat dilihat dalam penyalinan dan penulisan manuskrip perundangan syariah oleh pengarang berpendidikan agama, ulama, kadi dan sebagainya. Dalam perundangan syariah ini, unsur undang-undang adat terletak pada tahap yang paling minima atau telah ditinggalkan. Antara naskhah undang-undang syariah yang ditemui kini termasuklah *Mir'at al-Tullab*, *Safinat al-Hukkam*, *Kitab Faraid* dan *Kitab Bab al-Nikah*. Undang-undang syariah adalah perundangan Islam yang berasaskan Quran, hadis, ijmak, qisas dan sumber perundangan lain yang telah diakui ulama.<sup>8</sup> Dipercayai kitab-kitab perundangan Islam dari Tanah Arab telah dibawa masuk oleh pendakwah dan ulama sewaktu penyebaran awal syiar Islam di Alam Melayu.

Satu-satunya manuskrip undang-undang Islam yang telah dikaji secara khusus di Britain adalah yang tersimpan dalam koleksi Sloane MS 2393, British Library, oleh Mohamad Jajuli A. Rahman (1995). Kajian beliau pada peringkat



MA di Centre of Southeast Asian Studies, University of Kent at Canterbury dengan judul *The Undang-Undang: A Mid-Eighteenth Century Malay Law Text* pada 1986 itu memberi tumpuan kepada isi kandungan naskhah yang menepati ciri-ciri perundangan syariah Islam.<sup>9</sup>

#### ADAT TEMENGGUNG ATAU ADAT PERPATIH

Pembahagian *Adat Temenggung* dan *Adat Perpatih* dalam masyarakat Melayu telah dibuat sejak zaman kolonial lagi bagi membezakan secara mudah antara undang-undang adat Melayu dengan undang-undang dari Minangkabau.<sup>10</sup> Semua undang-undang yang berasal dari Minangkabau telah digolongkan sebagai *Adat Perpatih*, sementara semua undang-undang adat Melayu lain sebagai *Adat Temenggung*. Pembahagian ini mungkin berpunca daripada wujudnya beberapa persamaan antara adat Melayu dengan adat yang diasaskan Datuk Ketemenggungan di Minangkabau.<sup>11</sup>

Istilah *Adat Temenggung* tidak ada dalam budaya orang Melayu yang awal. Sepanjang pengetahuan penulis, tidak ada naskhah Melayu menyebut undang-undang adat Melayu yang berasal daripada *Adat Temenggung*. Oleh itu, pendapat yang mengatakan undang-undang adat Melayu berasal-usul daripada *Adat Temenggung* dari Minangkabau atau Sumatera amat diragui akan kebenarannya. Dengan kata lain, Datuk Ketemenggungan yang berasal dari Minangkabau bukan pengasas undang-undang adat bagi masyarakat Melayu, Aceh, Bugis dan lain-lain. Beliau hanya pengasas undang-undang adat masyarakat Minang di Minangkabau yang seterusnya dikenali sebagai *Adat Temenggung*. Walaupun Winstedt (1940: 91) adalah benar apabila menterjemahkan jawatan Temenggung sebagai “Minister of Police”, tetapi dia ternyata terkeliru apabila menulis “This patriarchal law is called *adat Temenggung* or law of the Minister for War and Police.”<sup>12</sup>

Undang-undang adat Melayu berasal-usul daripada masyarakat yang telah zaman-berzaman mendiami Tanah Melayu atau Alam Melayu. Penulisan naskhah *Undang-Undang Melaka* atau *Undang-Undang Laut Melaka*, contoh dua buah undang-undang adat Melayu yang terawal, tidak ada kaitan atau pengaruh daripada adat Datuk Ketemenggungan dari Minangkabau. Keduanya adalah hasil tulisan dan minda pengarang Melayu berasaskan amalan masyarakat Melayu di Melaka. Oleh itu, adalah lebih wajar genre undang-undang Melayu harus dikenali undang-undang adat Melayu. Istilah bagi kedua-dua *Adat Temenggung* dan *Adat Perpatih* hanya akan digunakan untuk membicarakan persoalan undang-undang yang berasal dari Alam Minangkabau. Berasaskan huraian ini, genre undang-undang Melayu dapat dibahagikan kepada dua bahagian seperti berikut:



1. Undang-undang adat Melayu  
Semua naskhah yang lahir daripada adat budaya hidup masyarakat Melayu di Alam Melayu, termasuk Aceh, Bugis dan lain-lain masyarakat yang mengamalkan adat Melayu.
2. Undang-undang adat Minangkabau  
Semua naskhah yang berasaskan adat budaya hidup masyarakat Alam Minangkabau yang diasaskan Datuk Parapatih (*Adat Perpatih*) dan Datuk Ketemenggungan (*Adat Temenggung*), sama ada ditulis di Minangkabau atau di luar Minangkabau. Termasuk dalam kumpulan ini adalah *Adat Perpatih* dan *Adat Temenggung* yang menjadi amalan masyarakat di Negeri Sembilan dan lain-lain daerah yang mengamalkan adat Minangkabau di Sumatera.

#### PENTINGNYA UNDANG-UNDANG

Pentingnya naskhah undang-undang kepada pegawai dan sarjana Inggeris berhubungan rapat dengan usaha mereka memahami adat dan budaya hidup orang Melayu bagi memudahkan urusan pentadbiran mereka. Pemahaman terhadap undang-undang adat itu sudah memudahkan komunikasi pegawai Inggeris dengan raja, pembesar dan masyarakat Melayu. Lebih penting daripada itu, pengetahuan pegawai Inggeris terhadap budaya undang-undang Melayu boleh dijadikan sebagai asas dalam proses pengenalan dan pembentukan undang-undang Inggeris kepada masyarakat Melayu. Perkara ini telah diberi perhatian Raffles sewaktu beliau memperkenalkan undang-undang Inggeris di Singapura yang banyak dirakam Abdullah Munshi dalam *Hikayat Abdullah*.

Menurut Abdullah Munshi (*Hikayat Abdullah* 1997: 197), antara perubahan yang dibuat Raffles di Singapura ialah menggubal undang-undang Singapura, yakni “Pada menyatakan adat-adat dan hukum-hukum yang patut dipakai dalam negeri Singapura.”<sup>13</sup> Sebelum terbentuknya undang-undang yang dibuat Raffles itu, Singapura berada dalam keadaan kurang aman akibat kegiatan lanun, pergaduhan dan pembunuhan. Menurut Abdullah Munshi (*Hikayat Abdullah* 1997: 182), salah satu punca berlakunya pergaduhan dan pembunuhan itu adalah akibat daripada “adat pakai senjata terlalu jahat.” Justeru, Raffles telah menetapkan peraturan untuk melarang rakyat biasa memakai senjata seperti keris, pisau dan lain-lain. Orang yang melanggar peraturan itu, senjatanya akan dirampas dan akan dikenakan hukuman. Peraturan ini telah memberi kesusahan kepada orang Melayu yang begitu kental dengan kebiasaan membawa senjata. Malah dikatakan, bagi yang tidak membawa senjata ibarat “orang yang tiada berkain” atau “bukannya laki-laki.”

Sumber yang sangat bernilai tentang peranan Raffles dalam pengenalan undang-undang Inggeris di Singapura telah dirakam dalam *Memoir of the Life*

and *Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles* oleh Lady Sophia pada tahun 1830. Antara lain, *Memoir* ini mengandungi *Local Laws and Regulations* yang telah dirangka Raffles sebagai asas perundangan moden di Singapura. Ia meliputi undang-undang tanah, pelabuhan, aturan mahkamah, larangan judi dan penghapusan hamba. Misalnya, tegahan berjudi dan laga ayam tertera dalam *Regulation No. IV* seperti berikut (Sophia, 1830: 45):

1. That no public gaming-house or cockpit will hereafter be tolerated by Government under any circumstances, or for any consideration whatever; and that, from and after this date, all persons are strictly prohibited from keeping such on any terms or pretence whatsoever.
2. That any persons offending against this Regulation, or who may be proved to have hereafter received money, either directly or indirectly, for conducting a gaming-table or cockpit, shall be liable, according to the circumstances of the case, to the confiscation of a certain amount or the whole of his property, and banished from the Settlement with corporal punishment, at the discretion of the court.

Selain masalah perjudian, Raffles turut memberi perhatian khusus terhadap usaha penghapusan hamba. Sebelum itu, memiliki hamba abdi sudah menjadi sebahagian daripada budaya, hidup, malahan lambang kebesaran, kebanggaan dan kekuasaan raja, pembesar, saudagar atau orang kaya dalam masyarakat. Larangan dan pencegahan terhadap perdagangan hamba telah mendapat perhatian khusus daripada Raffles. Mulai tarikh 26 Februari 1819, semua urusan perdagangan hamba dan hamba berhutang tidak dibenarkan di Singapura. Peraturan ini termaktub dalam *Regulation No. V* dengan judul *A Regulation for the Prevention of the Slave Trade at Singapore*. Sebahagian daripada peraturan tersebut adalah seperti berikut (Sophia, 1830: 46-47):

2. As the condition of slavery, under any denomination whatever, cannot be recognized within the jurisdiction of the British authority, all persons who may have been so imported, transferred, or sold as slaves or slaves debtors, since the 26<sup>th</sup> day of February, 1819, are entitled to claim their freedom, on application to the Magistrates, as hereafter provided; and it is hereby declared, that no individual can hereafter be imported for sale, transferred or sold as a slave or slave debtor, or having his or her fixed residence under the protection of the British authorities at Singapore, can hereafter be considered or treated as a slave, under any denomination, condition, colour, or pretence whatever.

Sebagai langkah susulan, Raffles telah merangka pula suatu perjanjian dengan Sultan Hussain dan Temenggung berhubung dengan penguasaan Inggeris di Singapura, bertarikh 7 Jun 1823. Seluruh isi perjanjian itu terdiri daripada tujuh perkara yang dapat dibaca dalam Buckley (1902: 106-107).<sup>14</sup> Antaranya, perkara kelima dan keenam adalah berkaitan secara langsung dengan hal perundangan, meliputi kedudukan raja, undang-undang adat dan agama Islam. Dicatatkan, Sultan tiada lagi memiliki kuasa perundangan, sementara aturan perundangan yang berhubung dengan amalan agama, perkahwinan,



pembahagian harta dan adat-istiadat akan tetap dihormati selagi tidak bercanggah dengan prinsip perundangan Inggeris. Perkara ini tertera dalam Buckley (1902: 107) seperti berikut:

5<sup>th</sup>. Under these arrangements their Highnesses will be relieved from further personal attendance at the court on every Monday, but they will always be entitled to a seat on the bench, and to all due respect when they think proper to attend.

6<sup>th</sup>. In all cases regarding the ceremonies of religion, and marriages, and the rules of inheritance, the laws and customs of the Malays will be respected, where they shall not be contrary to reason, justice, or humanity. In all other cases the laws of the British authority will be enforced with due consideration to the usages and habits of the people.

Terbitan *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles* turut mengandungi sebuah *Proclamation* hasil tulisan Raffles bertarikh 6 Jun 1823. *Proclamation* diberi judul *Minute by the Lieutenant-Governor* dan mengandungi 25 perkara yang berhubungan undang-undang di Singapura dan meliputi peraturan mahkamah, prinsip keadilan, kaedah hukuman, larangan terhadap senjata, judi, minuman keras, pelacuran, membakar, penipuan, mematuhi sukatan dan timbangan, peraturan tanah, hutang dan sebagainya. Sebahagian besar peraturan itu adalah berhubungan secara langsung dengan pemansuhan beberapa adat-istiadat dan undang-undang adat Melayu seperti yang tergambar dalam perkara 6 yang berkaitan larangan membawa senjata berikut (Sophia 1830: 67):

6. No one therefore being allowed to be a judge in his own case, or to revenge his own quarrel, arms or weapons capable of inflicting instant death as habitually worn by the Malays become unnecessary, and, by dispensing with them, the greatest temptation to and power of doing to others the greatest and irremediable wrong in depriving them of life is in a great measure removed... It often happens too in these countries that a man who considers himself aggrieved by a particular individual and finding himself in possession of a sharp weapon, attempts the life of every one he meets indiscriminately, and without having any wrong at their hands to complain of. It is impossible to see who may or may not be guilty of such acts of inhuman cruelty, and therefore all should agree to lay aside the use of the weapon that is commonly employed by persons who then transform themselves to wild beasts by giving way to brutal passion.

Kisah Raffles membuat peraturan dan undang-undang di Singapura adalah suatu peristiwa penting dalam sejarah perundangan adat Melayu. Dalam itu, beberapa peraturan dalam undang-undang adat Melayu telah diberi penilaian semula, dirombak, dihapus atau digantikan dengan undang-undang Inggeris yang lebih moden. Kuasa perundangan tidak lagi terletak di tangan raja, pembesar atau hakim istana; sebaliknya berada di bawah *magistrate* yang berasal dari England. Sistem pengadilan pula turut mengalami perubahan daripada istana ke pengadilan *court* secara lebih sistematis. Dalam pada itu, beberapa aspek budaya hidup orang Melayu yang berhubungan agama dan adat istiadat terus kekal selagi tidak bercanggah dengan undang-undang Inggeris.

## KONSEP KEADILAN

Perkara yang mendapat perhatian khusus pegawai Inggeris dalam hal undang-undang adat Melayu adalah persoalan keadilan. Undang-undang Melayu dikatakan tidak mempunyai nilai keadilan, terutamanya yang melibatkan persoalan hamba, derhaka, kedudukan wanita dan kaedah hukuman. *Hikayat Abdullah* turut mencatatkan kritikan Raffles dan Abdullah Munshi terhadap ketidakadilan undang-undang adat Melayu. Apakah benar undang-undang adat Melayu tidak mementingkan nilai keadilan? Pembesar dan pengarang yang bertanggungjawab menyusun dan menulis undang-undang adalah terdiri daripada mereka yang berpengetahuan dan berpengalaman luas dalam urusan adat-istiadat istana, perundangan warisan raja-raja dan budaya hidup masyarakat secara keseluruhannya. Adalah tidak mungkin mereka akan mempersembahkan sebuah naskhah undang-undang yang mengandungi nilai dan nasihat “kezaliman” kepada raja mereka.

Mengambil kira fakta itu, suatu konsep asas keadilan undang-undang adat kesultanan Melayu dapat dirumuskan. Ia terbahagi kepada empat unsur yang utama. Pertama, undang-undang adat sangat menekankan kepatuhan masyarakat kepada adat istiadat dan peraturan yang telah ditetapkan raja dan pembesar. Seringkali matlamat ini disuratkan di bahagian awal atau mukadimah sesebuah teks. Pembesar dinasihati agar menjalankan hukuman mengikut aturan adat-istiadat warisan turun-temurun raja-raja masa silam. Mematuhi warisan leluhur adalah perkara yang mulia pada masa lalu dalam memelihara keharmonian antara raja dengan rakyat. Pembesar atau rakyat yang cuba mengubah adat-istiadat akan dianggap berlaku derhaka kepada raja dan akan menerima bala sumpahan atau pelbagai bentuk hukuman yang lain.<sup>15</sup>

Kedua, undang-undang adat membariskan perkara-perkara yang menjadi peraturan, tegahan atau larangan dalam masyarakat. Orang yang melanggar peraturan itu dianggap telah melakukan kesalahan. Di peringkat pusat, ada undang-undang dan peraturan khusus untuk bendahara, temenggung, syahbandar, laksamana, nakhoda, menteri, hakim, ketua ugama dan lain-lain. Di peringkat yang lebih kecil, terdapat undang-undang khusus untuk penghulu atau ketua kampung bagi menguruskan hal-ehwal rakyat di mukim, kampung dan dusun. Tegasnya, sama ada golongan pembesar atau rakyat biasa, kedua-duanya termasuk dalam undang-undang. Semua rakyat, merdeka atau hamba, yang melanggar undang-undang tidak terkecuali daripada hukuman yang telah ditentukan. Rakyat yang menjadi mangsa pelanggaran undang-undang pula akan mendapat pembelaan mengikut kadar yang telah ditetapkan. Hamba abdi juga mempunyai hak perlindungan undang-undang.

Ketiga, setiap kesalahan ada hukumannya mengikut orang yang melakukan kesalahan dan tempat di mana kesalahan itu dilakukan. Ada berbagai-bagai kaedah hukuman yang disediakan sama ada dengan membayar denda emas, wang, deraan, cercaan, menjadi hamba dan lain-lain. Selain itu, terdapat



kepelbagaian hukuman memberi kelonggaran kepada orang yang bersalah menebus kesalahan mereka mengikut kemampuan masing-masing. Ada kesalahan yang boleh ditebus dengan meminta maaf atau mempersembahkan hidangan “pulut kuning” sahaja.

Keempat, dan yang sangat utama, undang-undang adat turut memberi panduan kepada proses pengadilan terhadap orang yang melakukan kesalahan. Perkara yang berhubungan nasihat adab ketatanegaraan Islam ini terdapat pada bahagian mukadimah naskhah seperti tertera dalam *Undang-Undang Pahang*, *Undang-Undang Raja Nati* dan *Undang-Undang Indragiri*, dengan raja dan pembesar Melayu sentiasa dinasihati agar mengamalkan pemerintahan dengan adil mengikut lunas-lunas ajaran Islam. Walaupun bahagian adab ketatanegaraan hanya mengisi ruang yang kecil dalam naskhah undang-undang, hal tersebut memberi erti yang besar dalam sejarah tamadun kesultanan Melayu, khususnya dalam konteks peranan ulama dan pembesar menasihati sultan supaya mengamalkan ciri kehakiman yang adil mengikut persepsi agama Islam. Raja, pembesar dan hakim sering kali diberi ingatan akan balasan Tuhan terhadap perbuatan mereka ketika mengadili rakyat, sama ada baik (balasan pahala) atau buruk (balasan neraka).

Keempat-empat perkara yang dinyatakan itu adalah asas penting dalam memahami konsep keadilan dalam perundangan adat Melayu. Nilai keadilan dalam undang-undang bukan terletak pada senarai hukum-hakam, tetapi harus mengambil kira matlamat undang-undang, kaedah hukuman dan adab keperibadian raja atau para pembesar yang melaksanakan hukuman. Sekiranya salah satu perkara tersebut terjejas, ia akan memberi kesan kepada pelaksanaan proses keadilan undang-undang. Keempat-empat perkara itu kait-mengait antara satu sama lain dan muncul sebagai kebulatan prinsip atau falsafah undang-undang adat Melayu tentang keadilan.

#### PERJANJIAN UNDANG-UNDANG INGGERIS-MELAYU TERAWAL

Daripada kajian ini, penulis mendapati perpustakaan di SOAS, Royal Asiatic Society dan British Museum masih menyimpan naskhah undang-undang adat Melayu yang belum diselidiki secara mendalam. Di perpustakaan SOAS terdapat naskhah undang-undang yang berkaitan Pulau Pinang, Perlis, Patani dan Minangkabau yang belum diketahui ramai lagi. Demikian juga dengan kajian yang dilakukan di Royal Asiatic Society. Penulis telah juga menemui banyak naskhah undang-undang dari Selangor dan yang belum diketengahkan secara meluas kepada masyarakat. Oleh itu, maka dikemukakan sebuah naskhah undang-undang yang diperolehi dari perpustakaan SOAS sebagai bahan pengenalan awal kepada pembaca:

*PERJANJIAN SAYID HUSSIN DENGAN FRANCIS LIGHT*  
(MS 40320, SOAS, LONDON)

Sebelum Raffles mengasaskan pentadbiran Inggeris di Singapura pada tahun 1819, Francis Light sudah menaikkan bendera “Union Jack” di Pulau Pinang pada tahun 1786. Sumber penting yang menceritakan kisah Francis Light memperkenalkan undang-undang Inggeris di Pulau Pinang ialah *Memoir of Captain Francis Light* yang diterbitkan A.M.S. dalam *JSBRAS* pada tahun 1895.<sup>16</sup> Dicatatkan pada peringkat awalnya bahawa proses pengawalan undang-undang belum tersusun, maka terserah kepada pengadilan pemimpin-pemimpin masyarakat ketika itu. Orang yang melakukan kesalahan berat akan dihantar ke pusat pentadbiran Inggeris di Bengal, India, bagi menjalani hukuman. Hal ini berterusan sekurang-kurangnya sehingga awal tahun 1800. Antara lain, sejarah awal perundangan Inggeris di Pulau Pinang yang tercatat dalam *Memoir of Captain Francis Light* (1895: 5) adalah seperti yang berikut:

The sole tribunal up to the beginning of the 19<sup>th</sup> century was an informal kind of Court Martial, composed of Officers and respectable inhabitants. All the minor offences and petty disputes were adjudicated by the “Capitans” or headmen of the various nationalities inhabiting the island; and there was no regularly organized judicial system in the island till the establishment of the Recorder’s Court in 1805.

Sumber lain yang cukup berharga tentang sejarah Francis Light di Pulau Pinang itu terkumpul dalam 1,200 pucuk surat yang dikenali sebagai *Light Letters*<sup>17</sup> yang kini tersimpan di SOAS (MS 40320) dalam sebelas jilid. Daripada penelitian, penulis mendapati surat-surat itu mengandungi pelbagai maklumat tentang hubungan Francis Light dengan raja-raja Melayu, termasuk urusan perdagangan, hutang-piutang, persahabatan, bantuan kapal ke Mekah dan undang-undang lainnya. Antara surat yang berkaitan undang-undang ialah surat perjanjian Sayid Hussin dan Dato’ Penggawa Muda dengan Francis Light (SOAS MS 40320/ Vol. 11) yang bertarikh tahun 1206 H (28 November 1791).<sup>18</sup> Surat itu mengandungi empat fasal yang menyatakan peraturan bagi Syed Hussin dan pengikutnya di Pulau Pinang. Perjanjian yang tertulis dalam satu halaman kertas bersaiz 42.5 sm × 31 sm itu menggunakan dakwat warna hitam dan tulisan Jawi yang kemas dan mudah dibaca. Di belakang kertas tercatat “Sayid Hussin Aidid”.<sup>19</sup>

Fasal pertama perjanjian itu menetapkan kebebasan bagi Sayid Hussin dan pengikutnya untuk tinggal di Pulau Pinang. Pihak Inggeris tidak boleh menghalang sekiranya Sayid Hussin tidak mahu lagi tinggal di Pulau Pinang dan ingin berpindah ke tempat lain. Melalui perjanjian ini tergambar ciri kebebasan yang diberi Francis Light kepada Sayid Hussin dalam menentukan kedudukan dan penetapan mereka di Pulau Pinang. Fasal kedua pula berhubungan peraturan yang melibatkan pengikut Sayid Hussin di Pulau Pinang. Kedatangan Sayid Hussin dengan membawa saudara-mara, pengikut, pekerja dan hamba mungkin akan menimbulkan pelbagai masalah undang-undang.<sup>20</sup>



Mengikut perjanjian itu, semua permasalahan tersebut harus diserahkan ke bawah pengadilan Sayid Hussin kecuali perkara yang berhubungan masyarakat Cina atau Inggeris di Pulau Pinang. Namun, hukuman yang melibatkan pengikut Sayid Hussin harus dilaksanakan menurut ketetapan undang-undang Islam.

Seterusnya fasal ketiga pula lebih khusus kepada hukuman yang dikenakan ke atas pengikut Sayid Hussin yang melakukan kesalahan mencuri, mengganggu anak bini orang dan hamba yang engkar terhadap tuannya. Dalam semua kes itu, Sayid Hussin berkuasa penuh ke atas pengikutnya. Pencuri yang terbunuh sewaktu mencuri atau penceroboh yang terbunuh sewaktu mencerobohi rumah orang tidak mendapat pembelaan. Demikian juga hamba yang mati kerana cuba menentang tuannya itu juga mati tanpa apa-apa pembalasan undang-undang. Sebahagian peraturan seperti hal pencuri, pengacau isteri orang dan hamba masih mengekalkan ciri-ciri *Undang-Undang Melaka*. Seterusnya, fasal keempat pula lebih menumpukan perjanjian dalam hal perniagaan dan perdagangan. Sayid Hussin bebas menjalankan perniagaan di Pulau Pinang tanpa sebarang sekatan daripada pihak Inggeris. Namun, kekecualian dikenakan bagi perniagaan timah, kerana timah hanya boleh diniagakan dengan pihak Francis Light.

Berdasarkan isi kandungan dokumen di atas, tergambar suatu corak perjanjian yang lebih banyak memberi kelebihan kepada pihak Sayid Hussin berbanding dengan Francis Light. Sebelum undang-undang itu ditulis, pastinya pelbagai perbincangan telah diadakan antara Sayid Hussin dengan Francis Light, sehingga akhirnya kedua-dua pihak itu mencapai persetujuan. Sayid Hussin bebas untuk tinggal di Pulau Pinang dan menjalankan kepimpinan masyarakat serta perniagaannya. Penerimaan Francis Light terhadap amalan undang-undang adat Melayu dan undang-undang Islam bagi pengikut Sayid Hussin adalah peristiwa yang penting masa itu. Dengan itu, semua pengikut Sayid Hussin tidak tertakluk kepada undang-undang Inggeris. Pada masa itu, penguatkuasaan undang-undang Inggeris dilihat sebagai kaedah perundangan yang asing, justeru tidak harus dikenakan ke atas orang Aceh.

## KESIMPULAN

Kecenderungan pegawai dan sarjana Inggeris mengkaji dan memahami istiadat dan amalan perundangan adat Melayu secara langsung atau tidak langsung adalah sambungan kepada usaha yang telah dirintis Francis Light, Marsden dan Raffles sebelumnya. Melalui sarjana Inggeris yang lebih kemudian, segala idea perundangan moden Inggeris telah diterapkan di negeri-negeri Melayu, selanjutnya membuka ruang pemodenan undang-undang bagi amalan masyarakat Melayu melalui penubuhan mahkamah dan sistem perundangan Inggeris. Pun begitu, dalam memberi penghargaan kepada Inggeris, masyarakat hari ini tidak harus lupa terhadap konsep undang-undang kesultanan Melayu yang jauh berbeza daripada undang-undang moden Barat abad ke-19 dan 20.



Sebarang interpretasi harus mengambil kira konteks zaman undang-undang itu dihasilkan maka memiliki ciri dan prinsipnya yang tersendiri.

Kewujudan sejumlah besar manuskrip undang-undang adalah manifestasi kesedaran raja-raja Melayu yang cuba mengamalkan keadilan dalam pemerintahan tanpa bergantung kepada amalan undang-undang rimba. Konsep keadilan undang-undang Melayu semakin diperkukuhkan lagi dengan kemasukan nilai-nilai keadilan pemerintahan dalam agama Islam. Sekali lagi diberi penekanan, tidak mungkin pembesar-pembesar Melayu yang lazimnya akrab dengan tradisi hidup Melayu-Islam akan mempersembahkan undang-undang yang membawa nilai kezaliman kepada raja mereka. Hanya terpujanglah kepada raja untuk melaksanakan atau tidak undang-undang yang telah disurat dan ditetapkan.

Undang-undang adat lahir dalam zaman yang masih membahagikan masyarakat kepada golongan raja dan golongan rakyat jelata. Raja dilihat sebagai puncak segala kuasa dan undang-undang dalam negara. Kata-kata raja boleh membentuk, mengubah dan membatalkan undang-undang. Pandangan dan kepercayaan tinggi rakyat kepada kedaulatan dan kesucian golongan raja menjadikan raja-raja mendapat “kekebalan” daripada sebarang undang-undang. Justeru, hampir semua undang-undang adat tidak memperuntukkan hukuman terhadap raja yang melakukan kesalahan.

Pemikiran tentang persamaan undang-undang antara golongan raja dengan rakyat jelata tidak wujud sama sekali. Rakyat yang cuba mencero bohi, menentang atau mengancam kedudukan raja akan dituduh sebagai penderhaka dan dijangka menerima hukuman yang berat. Terdapat sebahagian undang-undang sengaja digubal penuh dengan unsur kekerasan terhadap rakyat sebagai cara menghalang mereka daripada melakukan kesalahan atau menggugat kekuasaan raja. Sekiranya masih ada rakyat yang melanggar peraturan, melakukan kesalahan atau menentang perintah raja, mereka harus bersedia untuk menghadapi hukuman yang ditetapkan. Ketika itu, keadilan raja bukan dilihat dari sudut kesamarataan undang-undang, tetapi lebih kepada kebijaksanaan raja membawa keamanan dan kemakmuran kepada negara dan rakyat jelata.

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, kajian ke atas undang-undang adat Melayu telah memasuki tahap yang lebih kritis dengan Hooker tampil sebagai tokoh utamanya. Segala perbincangan terhadap undang-undang adat Melayu menampilkan ciri kesarjanaan Hooker melalui buku-bukunya seperti *Readings in Malay Adat Laws* (1970) dan *Legal Pluralism: An Introduction to Colonial and Neo-Colonial Laws* (1975). Selepas era penjajahan, atau selepas era Winstedt, kajian terhadap manuskrip undang-undang Melayu semakin kurang mendapat perhatian sarjana Inggeris. Namun, penelitian yang telah dibuat mendapati tulisan Hooker masih kuat bersandarkan kajian-kajian awal yang telah dilakukan pegawai dan sarjana Inggeris. Buku *Readings in Malay Adat Laws* misalnya, mengandungi cetakan semula tulisan-tulisan daripada Wilkinson, Rigby, Logan, Taylor, Maxwell dan lain-lain. Hal ini



memberi gambaran bagaimana kajian manuskrip undang-undang di kalangan pegawai dan sarjana Inggeris masa lalu masih menjadi sumber yang relevan sehingga masa kini.

NOTA KAKI

1. Makalah ini adalah sebahagian daripada hasil kajian penulis sewaktu cuti sabatikal di School of Oriental and African Studies (SOAS), London, pada tahun 2005 yang lalu. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Profesor V.I. Braginsky, Profesor E.U. Kratz, Dr. Benjamin Murtagh dan Dr. Annabel Teh Gallop atas segala bantuan yang diberikan sewaktu membuat penyelidikan di London. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Sains Malaysia yang telah membiayai cuti sabatikal penulis di London.
2. Judul penuh bagi jurnal ialah *Asiatick Researches or Transactions of the Society: Instituted in Bengal, for enquiring into the History and Antiquities, the Arts, Sciences, and Literature of Asia*. Volume the Twelfth. Calcutta: Printed at the Calcutta Gazette Office. 1816. Jurnal yang penulis rujuk bagi tujuan kajian ini tersimpan di perpustakaan Royal Asiatic Society, London. Tulisan Raffles termuat pada halaman 102-128 sementara halaman 129-159 mengandungi terjemahan bahasa Inggeris bagi sebahagian daripada *Undang-Undang Laut Melaka*.
3. Usaha Raffles mengumpul kira-kira 300 buah manuskrip Melayu di Melaka dan Singapura ada diceritakan oleh Abdullah Munshi dalam *Hikayat Abdullah* (1997: 61 & 204).
4. Jurnal yang penulis rujuk bagi tujuan kajian ini tersimpan dalam *Archives and Special Collections*, perpustakaan SOAS, University of London. James Richardson Logan (1819-1869), mendapat pendidikan undang-undang di Edinburgh sebelum berkhidmat di Bengal, Singapura dan Pulau Pinang. Menjadi Editor kepada *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* antara tahun 1843-1852. Jurnal tersebut berterusan sehingga tahun 1863.
5. Terdapat juga beberapa buah manuskrip undang-undang Melayu di perpustakaan universiti di Cambridge, Edinburgh, Oxford, Manchester dan Dublin (rujuk Ricklefs & Voorhoeve, 1977).
6. *Papers on Malay Subjects* diterbitkan oleh *Government of the Federated Malay States* dengan R.J. Wilkinson bertindak selaku *General Editor*. Ketika itu, Rigby adalah *Supervisor of Customs*, Larut, Perak.
7. *Undang-Undang Manu* dikatakan berasal daripada seorang raja India purba bernama Manu. Perkataan Manu juga membawa maksud "the wise one". Tarikh sebenar teks tersebut ditulis tiada diketahui tetapi dicatatkan teks itu sudah pun menjadi amalan masyarakat Hindu menjelang "the early centuries of the Common Era". Lihat keterangan lanjut dalam Doniger & Smith (1991: xviii-xix).
8. Ahmad Ibrahim (1965: 1) mencatatkan, "The word *Shari'ah* is the name given to the whole system of the law of Islam, the totality of God's commandments. Each one of such commandments is called *hukm*."
9. Kajian Mohamad Jajuli A. Rahman telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1995 dengan judul *The Malay Law Text*. Buku mengandungi transliterasi naskhah, terjemahan bahasa Inggeris dan faksimile naskhah yang lengkap.



10. Antara lain, kaedah pembahagian Adat Temenggung dan Adat Perpatih telah dibuat oleh Wilkinson (1908) & Winstedt (1940).
11. Lihat huraian lanjut tentang hal ini dalam Norhalim Haji Ibrahim (1993).
12. Kaedah pembahagian antara Adat Perpatih dan Adat Temenggung oleh Wilkinson dan Winstedt telah diteruskan kemudiannya oleh Hooker (1970: 144). Beliau turut mengulangi definisi Winstedt terhadap Adat Temenggung sebagai “law of the Minister for War and Police”. Pembahagian Adat Temenggung dan Adat Perpatih menjadi lumrah digunakan oleh para sarjana sebagai suatu cara umum bagi membezakan kedua-dua kumpulan adat tersebut tanpa memikirkan asal-usul kewujudannya. Dalam konteks ini, penulis tidak bersetuju dengan pembahagian yang dibuat oleh Abu Hassan Sham & Mariyam Salim dalam buku mereka *Sastera Undang-Undang* (1995) yang masih membuat pembahagian undang-undang adat Melayu berasaskan pandangan Winstedt.
13. Menurut Abdullah Munshi dalam *Hikayat Abdullah* (1997: 197), undang-undang yang dibuat oleh Raffles telah dicetak dalam lima puluh salinan bahasa Inggeris dan lima puluh salinan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, sehingga kini penulis masih belum berpeluang melihat salinan undang-undang tersebut. Suatu kajian yang lebih mendalam harus dibuat pada masa hadapan sekiranya salinan undang-undang Singapura ini telah diperolehi kelak. Dalam senarai penerbitan Melayu oleh Proudfoot (1993: 533-534), ada dicatatkan cetakan jawi sehelai naskhah perundangan berjudul *Undang-Undang Negeri Singapura 1823*. Undang-undang tersebut telah dikarang oleh Thomas Stamford Raffles dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Abdullah Munshi. Urusan percetakan pula telah dilaksanakan oleh Tuan Paderi Thomsen melalui Mission Press, Singapore, pada bulan Mei 1823. Isi naskhah undang-undang tersebut tiada dinyatakan.
14. Menurut Bukcley (1902: 106), salinan naskhah Melayu perjanjian ini pernah ditemui di Johor, tertulis dalam “a large piece of foolscap paper.”
15. Lihat huraian tentang beberapa bentuk sumpahan raja-raja masa lalu dalam Casparis (1956).
16. Sebagai bekas wilayah kesultanan Kedah, undang-undang asal bagi masyarakat di Pulau Pinang, Seberang Perai dan kawasan sekitarnya adalah tertakluk kepada undang-undang adat yang diamalkan di Kedah. Francis Light meninggal dunia di Pulau Pinang pada 21 Oktober 1794, yakni dalam masa pentadbiran Inggeris di Pulau Pinang masih lagi baru bermula. Pengenalan undang-undang Inggeris di pulau tersebut lebih banyak dilakukan oleh para pegawai Inggeris yang kemudiannya.
17. Kajian terhadap *Light Letters* kini sedang diusahakan oleh E.U. Kratz, profesor Pengajian Melayu di Faculty of Languages and Cultures, SOAS. Lihat keterangan awal dalam Kratz (1987).
18. Dalam koleksi surat di SOAS ini, Francis Light dikenali dengan beberapa nama seperti “Sinyur Gurnadur Pulau Pinang”, “Gurnadur Raja Pulau Pinang”, “Kubernur yang memerintah negeri kota Pulau Pinang” dan “Dato Gurnadur Pulau Pinang”.
19. Tengku Sayid Hussin ibn al-Marhum al-Habib Abdul Rahman Aidid, saudagar dan pemimpin masyarakat dari Aceh yang terkenal di Pulau Pinang masa lalu.
20. Orang yang datang dari Aceh bersama-sama dengan Sayid Hussin hanya dinyatakan secara umum seperti berikut: “seperti hamba kita, dan anak buah kita, dan utang-utang kita, dan orang yang membawa dirinya kepada kita serta dalam perintah kita”.

LAMPIRAN

Senarai Naskhah Undang-Undang Kesultanan Melayu di London

- Undang-Undang Melaka* di British Library (Add. 12395)  
*Risalat Hukum Kanun* di British Library (Add. 12397)  
*Undang-Undang* di British Library (Sloane 2393)  
*Undang-Undang Melaka* di British Library (Malay D. 10)  
*Undang-Undang Aceh* di British Library (Malay D. 12)  
*Risalat Kanun dan Undang-Undang Laut* di Cambridge University Library  
(Or. 1364)  
*Adat Aceh* di Edinburgh University Library (New College 132)  
*Surat Undang-Undang Hukum* di Oxford University (Skeat Collection MS 14)  
*Undang-Undang Minangkabau* di John Rylands University Library, Manchester  
(Malay 2).  
*Undang-Undang Melaka* di Trinity College, Dublin 1638  
*Undang-Undang Melaka* di RAS (Farquhar 1)  
*Adat Segala Raja-Raja Melayu* di RAS (Farquhar 4)  
*Undang-Undang Melaka* di RAS (Farquhar 10)  
*Undang-Undang* di RAS (Raffles Malay 33)  
*Undang-Undang Mengkasar dan Bugis* di RAS (Raffles Malay 34).  
*Undang-Undang Melaka, Pahang, Johor dan Selangor* di RAS (Raffles Malay 74)  
*Undang-Undang Melayu-Islam* di RAS (Raffles Malay 75)  
*Undang-Undang Laut & Undang-Undang Kedah* di RAS (Raffles Malay 77)  
*Undang-Undang Islam dan Saksi* di RAS (Raffles Malay 79)  
*Undang-Undang Melaka* di RAS (Maxwell 5)  
*Undang-Undang Melaka, Pahang dan Johor, Undang-Undang Laut Melaka,*  
di RAS (Maxwell 6)  
*Risalat Hukum Kanun* di RAS (Maxwell 10)  
*Undang-Undang Minangkabau* di RAS (Maxwell 11)  
*Undang-Undang Melaka* di RAS (Maxwell 11A)  
*Undang-Undang Pahang* di RAS (Maxwell 17)  
*Undang-Undang Melaka* di RAS (Maxwell 19)  
*Undang-Undang* di RAS (Maxwell 20)  
*Undang-Undang Minangkabau* di RAS (Maxwell 30)  
*Undang-Undang Minangkabau Turun ke Perak* di RAS (Maxwell 44)  
*Undang-Undang Laut, Undang-Undang Minangkabau* di RAS (Maxwell 47)  
*Kitab al-Fara'id* di RAS (Maxwell 61)  
*Undang-Undang Minangkabau* di RAS (Maxwell 96)  
*Undang-Undang Sungai Ujong* di RAS (Malay 118)  
*Hukum Kanun* di RAS (Malay 122 B)  
*Undang-Undang Laut* di RAS (Malay 128)  
*Undang-Undang Melaka* di SOAS (MS 7124)

*Undang-Undang Melayu di SOAS (MS 40323)*  
*Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak di SOAS (MS 40327)*  
*Undang-Undang Kedah di SOAS (MS 40329)*  
*Undang-Undang Laut di SOAS (MS 40329)*  
*Undang-Undang Johor di SOAS (MS 40332)*  
*Undang-Undang Perak di SOAS (MS 40334).*  
*Undang-Undang Sultan Muhammad Shah di SOAS (MS 40505)*  
*Undang-Undang Sultan Mahmud Shah di SOAS (MS 40506)*  
*Undang-Undang Minangkabau di Perak di SOAS (MS 46942)*  
*Kitab Undang-Undang keturunan Tuan Guru Haji Abdul Kahar di SOAS (MS 297496)*

## RUJUKAN

- Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. 1997. *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abu Hassan Sham & Mariam Salim. 1995. *Sastera Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim. 1965. *Islamic Law in Malaya*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- A.M.S. 1895. Memoir of Captain Francis Light. *JSBRAS* 28: 1-17.
- A. Samad Ahmad. 1996. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buckley, Charles Burton. 1902. *An Anecdotal History of Old Times in Singapore (1819-1867)*. Vol. 1. Singapore: Frazer & Neave.
- Casparis, J.G. de.. 1956. *Selected Inscriptions from the 7<sup>th</sup> to the 9<sup>th</sup> Century A.D.* Vol. 2. Bandung: Masa Baru.
- Doniger, Wendy & Smith, Brian K. (eds.) 1991. *The Laws of Manu*. London: Penguin Books.
- Hooker, M.B. 1970. (ed.). *Readings in Malay Adat Laws*. Singapore: Singapore University Press.
- \_\_\_\_\_. 1975. *Legal Pluralism: An Introduction to Colonial and Non-Colonial Laws*. Oxford: Clarendon Press.
- Jakeman, R.W. 1951. The Pahang Kanun of Sultan Abdul Ghafur: Another Text. *JMBRAS* 24 (3): 150-151.
- Kempe, John E. & Winstedt, R.O. 1948. A Malay Legal Digest Compiled for Abd al-Ghafur Muhaiyu'd-din Shah, Sultan of Pahang 1592-1614. *JMBRAS* 21 (1): 1-67.
- \_\_\_\_\_. 1952. A Malay Legal Miscellany. *JMBRAS* 25 (1): 1-19.
- Kratz, Ernst Ulrich. 1987. Some Malay Letters on Trade. *Indonesia Circle* 44: p. 3-16.
- Liaw Yock Fang. 1976. *Undang-Undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- \_\_\_\_\_. 2003. *Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Lister, Martin. 1890. Malay Law in Negeri Sembilan. *JMBRAS* 22: 299-319.
- Logan, J.R. (ed.). 1855. Translation of the Malayan Laws of the Principality of Johore. *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* 9: 71-95.
- Marsden, William. 1986. *The History of Sumatra*. Oxford: Oxford University Press.



- Maxwell, W.E. 1884. The Law and Customs of the Malays with Reference to the Tenure of Land. *JMBRAS* 13: 75-189.
- \_\_\_\_\_. 1890. The Law Relating to Slave among the Malays. *JMBRAS* 22: 292-297.
- Mohamad Jajuli A. Rahman. 1995. *The Malay Law Text*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Newbold, T.J. 1839. *British Settlements in the Straits of Malacca*. Vol. II. London: John Murray.
- Paterson, H.S., 1924. An Early Malay Inscription from Terengganu. *JMBRAS* 2 (3): 252-258.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Pepys, W.E. 1916. Notes on the Hukum Menyilam and the Hukum Ber-chelor. *JMBRAS* 74: 321.
- Proudfoot, I. 1993. *Early Malay Printed Books*. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Raffles, Thomas. 1816. On the Malayu Nation, with a Translation of its Maritime Institutions. *Asiatick Researches* 12:102-159.
- \_\_\_\_\_. 1879. The Maritime Code of the Malays. *JMBRAS* 3: 62-84.
- Ricklefs, M.C., & Voorhoeve, P. 1977. *Indonesian Manuscripts in Great Britain*. Oxford: Oxford University Press.
- Rigby, J. 1908. The Ninety-Nine Laws of Perak. IN R.J. Wilkinson (ed.), *Papers on Malay Subjects* (Part II): 1-86.
- Sophia, Lady. 1830. *Memoir of the Life and Public Services of Sir Thomas Stamford Raffles*. London: John Murray.
- Wilkinson, R.J., 1908. *Papers on Malay Subjects: Law* (Part I & II). Kuala Lumpur: F.M.S. Government Press.
- Winstedt, R.O. 1928. Kedah Laws. *JMBRAS* 4 (2): 1-44.
- \_\_\_\_\_. 1940. *A History of Malay Literature* in *MBRAS* 17 (3).
- \_\_\_\_\_. 1953. An Old Minangkabau Legal Digest from Perak. *JMBRAS* 26 (1): 1-13.
- \_\_\_\_\_. & Josselin de Jong, P.E., 1954. A Digest of Customary Law from Sungai Ujong. *JMBRAS* 27 (3): 4-71.
- \_\_\_\_\_. 1956. The Maritime Laws of Malacca. *JMBRAS* 29 (3): 22-59.
- Zainur Zakaria. 1995. The Legal System of Malaysia. *Asean Legal System*. Singapore: Butterworths Asia: 77-137.

#### LAMPIRAN

Surat Perjanjian Sayid Hussin dan Dato' Penggawa Muda dengan Francis Light  
[Sumber: *Light Letters* SOAS MS 40320/ Vol. 11, London]

1206 kepada sehari bulan Rabiulakhir, dewasa itulah Tuan Sayid Hussin berdua dengan Dato' Penggawa Muda membentuk perjanjian duduk di Pulau Pinang kepada Gurnadur Raja Pulau Pinang. Pertama-tama perjanjian duduk dengan sesuka hati kita serta dengan suka Gurnadur. Jika kita tiada suka hendak pindah barang ke mana tiada boleh tahan-menahan oleh orang besar-besar dalam Pulau Pinang.





Fasal yang kedua, seperti hamba kita, dan anak buah kita, dan utang-utang kita, dan orang yang membawa dirinya kepada kita serta dalam perintah kita, dan seperti orang-orang itu sekaliannya, jikalau dianya hendak mendakwa kita, maka ia pergi kepada Tuan Gurnadur mintak bicara, melainkan tiada boleh tuan bicarakan dan menengar katanya, melainkan pulang kepada kita, ikhtiar kita barang suatunya. Dan lagi seperti orang-orang itu berbantah atau berkelahi dengan orang luar atau dengan sipahi atau dengan Cina, dan jika ia berkelahi sama-sama orang Islam, jika boleh kita bicarakan, kita bicarakan, jika tiada boleh kita bicara, melainkan pulang kepada tuan juga. Apa lagi seperti orang sipahi dengan Cina, itu pun pulang juga bicara kepada tuan. Tetapi yang pinta kita kepada tuan, orang-orang kita hendaklah tuan hukumkan dengan hukum Islam.

Fasal yang ketiga, seperti orang pencuri masuk ke dalam kampung kita atau ke dalam rumah kita serta hendak kita tangkap, maka melawan pencuri, maka terbunuh oleh kita, kemudian maka kita memberi tahu kepada tuan, melainkan tiadalah boleh sebut siapa lagi. Dan lagi, jika orang membuat jahat dengan bini orang kedapatan di dalam rumah, melainkan dibunuh, itu pun tiada suatu bicaranya.

Dan lagi, seperti hamba kita bantahan, tiada ia mau mana yang kita suruh, barangkali ia mau melawan kita, maka terpukul oleh kita, maka sampailah hukum Allah-nya, maka ia mati, tetapi bukannya dengan sengaja kita hendak membunuhnya, itu pun tiadalah suatu bicaranya. Dan seperti hamba kita jahat, maka kita pukul, kita rantai, kita ikat dianya, itu pun tiada suatu bicaranya.

Fasal yang keempat, seperti perniagaan orang yang duduk di dalam negeri ini, ia hendak berjual-beli dengan kapal, baik dengan orang dagang sekalian perahu serba jenis dagangan, melainkan tiadalah menjadi larangan kepada segala orang besar-besar mana suka hatinya, melainkan timah sahaja, jikalau orang dagang membawa ke sini, orang negeri tiada boleh membeli melainkan pulang kepada Tuan Gurnadur. Dan jika kita pergi mencari timah membawa pulang ke Pulau Pinang, boleh ia berjual kepada dirinya kepada kapal mana yang disukanya. Demikianlah perjanjian dengan Tuan Gurnadur Raja Pulau Pinang.

Jelani Harun, Ph D  
Bahagian Kesusasteraan,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 Minden, Pulau Pinang.

Emel: jelani@usm.my